

03/08/1997

Nama khas untuk bendera kebangsaan

PETALING JAYA: Bendera kebangsaan akan diberi nama khas yang lebih mencerminkan semangat kenegaraan, kata Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed.

Beliau berkata, nama itu dijangka diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena ulang tahun ke-40 kemerdekaan.

Menurutnya, nama itu dipilih sebuah jawatankuasa khas dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara daripada 42 nama cadangan lain dan dipersetujui Kabinet, baru-baru ini.

"Dengan adanya nama khas bagi bendera kebangsaan, kita boleh merujuk kepadanya dengan megah dan bangga, sama seperti rakyat Britain dengan Union Jack atau Amerika Syarikat (AS) dengan Star Spangled Banner," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Menterinya, Datuk Mohamed Rahmat melancarkan kempen mengibarkan bendera kebangsaan di sini, semalam. Turut hadir Pengarah Tom Manas Outdoor Sdn Bhd (TMOSB), Sam Salam.

Menerusi kempen itu, TMOSB akan menyumbang 50 sen daripada setiap hasil penjualan bendera kebangsaan kepada agensi kerajaan untuk mengisi sebuah tabung khas untuk membeli mesin dialisis bagi Kem Terendak dan Kem Kinrara.

Suleiman berkata, nama bagi bendera kebangsaan dijangka mendorong semangat rakyat supaya mengingati perjuangan asal untuk mencapai kemerdekaan.

(END)